



1. Murid membaca hadis dengan betul.
2. Daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Setiap sendi di tubuh badan manusia menjadi sedekah untuknya pada setiap hari matahari terbit. Kamu melakukan keadilan di antara dua orang (yang bertelingkah) adalah sedekah. Kamu membantu orang menaiki tungganganmu atau kamu mengangkat barang-barang untuknya ke dalam tungganganmu adalah sedekah, perkataan yang baik adalah sedekah. Setiap langkah kamu berjalan untuk menunaikan solat adalah sedekah dan kamu membuang perkara-perkara yang menyakiti di jalan adalah sedekah.
3. Sedekah dari sudut bahasa ialah pemberian manakala dari sudut istilah ialah sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
4. (a) Berlaku adil dalam tindakan
(b) Mendamaikan orang yang bertelingkah
(c) Membantu orang menaiki kenderaan
5. Mengucapkan perkataan yang baik:
(a) Menenangkan hati pendengar
(b) Mengelakkan berlakunya pertelingkahan
Menghilangkan sesuatu yang berbahaya di jalan:
(a) Mengurangkan risiko kemalangan
(b) Memberikan keselesaan kepada pengguna yang lain

5. (a) Kita hendaklah mendamaikan orang yang bertelingkah kerana semua Muslim adalah bersaudara
(b) Kita hendaklah menunaikan solat di masjid kerana amalan ini mempunyai fadilat yang banyak
6. Aktiviti murid

Praktis Masteri 9 **Bahagian B**

1. (a) (i) Membantu orang mengangkat barang ke kenderaan
(ii) Mengucapkan perkataan yang baik
(b) (i) Kita hendaklah sentiasa memanfaatkan masa, tenaga dan kemahiran yang ada untuk membantu orang lain agar menjadi orang yang bertakwa
(ii) Kita hendaklah mendamaikan orang yang bertelingkah kerana setiap mukmin bersaudara
(c) ماس، تناك، كماهيرن، برتقوا